

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

- PERTANYAAN : LISAN**
- DARIPADA : DATUK AHMAD JAZLAN BIN YAAKUB [MACHANG]**
- TARIKH : 8 JUN 2015 (ISNIN)**
- SOALAN : Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan:-**
- (a) apakah perbezaan modul pembelajaran di Universiti Agro Industri yang bakal beroperasi pada Ogos ini dengan Universiti Putra Malaysia; dan
 - (b) sejauh manakah Universiti ini mampu melahirkan graduan yang menepati aspirasi yang dikehendaki di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan (Pendidikan Tinggi) yang dilancarkan baru-baru ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, Universiti Agro Industri akan menawarkan program pengajian khusus dalam pelbagai bidang pertanian yang dapat melahirkan graduan *agropreneur* yang berpengetahuan, berkemahiran, berketrampilan, berpengkhususan dan mempunyai kebolehpasaran. Universiti ini menekankan konsep pendidikan secara *hands-on* iaitu 60% praktikal dan 40% teori kepada pelajarinya selain menyediakan mereka peluang menjalani latihan industri semasa belajar bagi memantapkan nilai kebolehpasaran mereka.

Penubuhan Universiti Agro Industri juga adalah *compliment* kepada peranan Universiti Putra Malaysia dalam melahirkan graduan yang berkaitan bagi memajukan sektor pertanian. Graduan yang dilahirkan daripada Universiti ini akan mempunyai asas keusahawanan dan dijangka dapat memulakan bisnes sendiri sebagai *agropreneur* sama ada melalui projek yang telah dijalankan semasa pengajian, usahaniaga baru atau diserapkan untuk bekerja dalam industri pertanian sedia ada.

- b) Graduan yang dilahirkan oleh Universiti ini akan memenuhi aspirasi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pengajian Tinggi). Graduan ini dilatih untuk mencipta peluang-peluang pekerjaan menerusi penubuhan bisnes sendiri dan bukan semata-mata makan gaji atau mencari pekerjaan. Di samping itu, graduan akan berpemikiran keusahawanan yang tidak hanya memberi tumpuan kepada *input* sahaja malah memberi fokus yang lebih kepada bagaimana menjana *output* atau hasil yang boleh memberi impak yang positif.

Penubuhan Universiti ini juga, secara tidak langsung akan menyumbang kepada peningkatan peratusan enrolmen pengajian tinggi negara selaras dengan aspirasi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pengajian Tinggi). Jumlah kadar enrolmen pelajar pendidikan tinggi akan meningkat sama ada di peringkat sarjana muda, sarjana mahupun doktor falsafah. Dari sudut kualiti, kebolehpasaran graduan akan dapat dipertingkatkan. Ini akan mewujudkan graduan yang mempunyai ciri keusahawanan, holistik dan seimbang. Penubuhan Universiti ini juga, dilihat dapat mewujudkan ekosistem *agropreneur* dan inovasi khususnya dalam bidang pertanian.